Cita-cita untuk mewujudkan bangsa Malaysia

Oleh
DR SANUSI OSMAN

(Kertas kerja di Seminar Kebudayaan Kebangsaan dan Perpaduan Negara di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 3.11.83)

PEMIMPIN-PEMIMPIN kita berpendapat bahawa perpaduan kaum mesti dicapai terlebih dahulu sebelum kita mencapai perpaduan kebangsaan. Ini bererti bahawa perpaduan kaum itu dilihat sebagai satu syarat mutlak untuk mencapai perpaduan kebangsaan.

Apakah pendapat ini benar?

WALAUPUN semua rakyat inginkan perpaduan, tetapi masing-masing mempunyai tanggapan dan cara yang berlainan. Oleh itu, perbezaan pendapat tentang cara dan pendekatan untuk mencapai perpaduan itu sentiasa wujud. Perbezaan pandangan ini timbul kerana dipengaruhi oleh keadaan politik dan ekonomi masyarakat kita.

Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, walaupun sudah 26 tahun menjadi rakyat yang merdeka, masih mengutama dan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing. Mereka juga lebih cenderung untuk berfikir, merasa dan bertindak sebagai anggota dari kaum yang tertentu. Oleh yang demikian perasaan permusuhan, ketegangan dan syak wasangka di kalangan kaum-kaum yang berlainan ini bukan beransur kurang, tetapi kian bertambah.

Selain dari perasaan perkauman yang semakin berkembang dan mempengaruhi sikap serta tindakan kita, semangat kedaerahan juga masih tebal sehingga kadang-kadang ia dapat mengasing dan membezakan kita, seolah-olah kita ini bukan rakyat dari negara yang sama. Keadaan ini lebih ketara sekali jika dilihat dari pemikiran dan tindakan rakyat di Malaysia Timur dan Semenanjung Malaysia.

Biarpun Malaysia sudah lama wujud, tetapi konsep negara Malaysia itu sendiri masih kabur di kalangan sebahagian besar rakyat di negara ini. Kekaburan tentang konsep negara Malaysia ini telah mendorong kita untuk menumpukan perhatian kepada usaha mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang wujud hanya di sebahagian Malaysia saja, bukan untuk keseluruhan Malaysia.

Misalnya, bila kita memperkalakan tentang soal perpaduan, kita sering merujuk kepada persoalan yang berkaitan dengan perhubungan antara orang Melayu, Cina dan India saja. Kita lupa sama sekali persoalan dan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Malaysia Timur yang tidak kurang hebat perbezaannya baik dari segi ekonomi, politik, kebudayaan, kepercayaan, adat resam mahupun cara hidup. Ini semua membayangkan kepada kita betapa jauhnya kita dari matlamat sebenar yang ingin kita capai. Jadi untuk menegakkan satu bangsa baru di Malaysia, kita bukan saja perlu mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat, tetapi juga harus berusaha sekeras-kerasnya menimbulkan suasana yang cocok bagi pertumbuhan integrasi wilayah yang lebih kukuh.

Dalam Rukun Negara ada menyebutkan bahawa kita ingin mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dari semua rakyat Malaysia tanpa mengira kepercayaan dan perbezaan kaum. Dari masyarakat yang berbilang kaum ini juga kita berazam untuk memupuk perpaduan rakyat yang nanti kesetiaan kepada negara akan mengatasi segala kesetiaan yang lain.

Sungguhpun begitu keazaman dan cita-cita kita, pada masa yang sama pemimpin-pemimpin kita terus menganjur dan menggalakkan perpaduan kaum. Seterusnya mereka berpendapat bahawa perpaduan kaum mesti dicapai terlebih dahulu sebelum kita mencapai perpaduan kebangsaan. Ini bererti bahawa perpaduan kaum itu dilihat sebagai satu syarat mutlak untuk pencapaian perpaduan kebangsaan. Apakah pendapat ini benar?

Kebenaran pendapat demikian boleh dipertikaikan. Pada keblasaannya, dengan terlalu menekankan perkauman dan dengan menggalakkan perkembangannya, ia boleh mengurang serta menghalang perhubungan antara anggota-anggota dari kumpulan kaum yang berlainan. Selain itu, sebuah negara yang wujud dengan berasaskan berpaduan sesuatu kaum sudah pasti akan menggalakkan rakyatnya untuk menyatakan ketikhpuasan dan tuntutan politik mereka mengikut garis perkauman. Rakyat juga mula mencontohi dan memahami keadaan ini dari perlakuan dan tindakan pemimpin-pemimpin mereka. Mereka menyedari bahawa sebarang tindakan politik tidak begitu bermakna dan berkesan sekiranya ia tidak dinyata dan dikaitkan dengan kepentingan kaum tertentu.

Kesan perbuatan demikian akan mendorong kepada pertumbuhan pelbagai bentuk dan jenis pertubuhan, persatuan dan sebagainya yang bergerak mengikut garis perkauman. Oleh sebab tujuan utama penubuhan badan-badan itu ialah untuk memelihara dan memperjuangkan kepentingan kaum tertentu yang diwakilinya, sudah tentu setengah dari pertubuhan-pertubuhan ini akan bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan peluang dan hak yang lebih besar kepada golongan dan kumpulan masing-masing. Persaingan yang berlaku dalam keadaan demikian akan lebih mudah mencetuskan perasaan perkauman dan perasaan tidak puas hati di kalangan anggota-anggotanya.

Jadi, sekiranya kita menggunakan perpaduan kaum sebagai asas tindakan dan perhitungan kita, bererti di sini ada pertentangan antara tindakan dan cita-cita asal kita untuk mencapai perpaduan kebangsaan. Apatah lagi sekiranya perkauman itu dipergunakan bukan untuk menegakkan perpaduan, tetapi sebagai punca atau alat untuk mendapatkan kuasa politik.

Panduan rakyat

Ada kalanya pula, peluang-peluang ini dipergunakan sebaik-baiknya oleh setengah pemimpin yang tidak bertanggungjawab untuk melaga-lagakan satu golongan dengan golongan yang lain, atau satu kumpulan dengan kumpulan-kumpulan yang lain. Keadaan demikian sudah tentu akan memperkuatkan lagi perasaan permusuhan antara kaum dan akhirnya memunsahkan segala kesedaran dan keinsafan tentang pengalaman, nasib masa depan serta kepentingan bersama yang mula tumbuh di kalangan mereka.

Oleh kerana itu, perkembangan perasaan perkauman ini besar kemungkinan akan menjejaskan kita semua. Jika dibiar berterusan, ia bukan saja akan menjadi penghalang besar kepada usaha kita untuk mencapai perpaduan kebangsaan, tetapi juga boleh membawa kesan yang buruk kepada masa depan kita, generasi muda kita dan juga ime] negara kita.

Peristiwa 13 Mei 1969 telah membuktikan kepada pemimpin dan rakyat negeri ini betapa buruk dan bahayanya perasaan perkauman itu. Ramai rakyat yang tidak berdosa terkorban dan banyak pula harta yang hancur musnah. Peristiwa ini tidak menguntungkan sesiapa. Malah, ia membawa keruglian dan pengalaman pahit kepada semua rakyat Malaysia.

Beberapa langkah dan strategi kemudiannya diatur untuk memastikan peristiwa demikian tidak akan berulang lagi. Antara langkah-langkah penting yang dilancarkan selepas peristiwa 13 Mei itu ialah mencipta Dasar Ekonomi Baru yang tujuan pokoknya untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, menyusun semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi antara kumpulan kaum dan menghapuskan pengenalan kaum dengan kegiatan ekonomi serta kawasan tempat tinggal.

Ideologi negara atau Rukun Negara juga dicipta untuk menjadi pegangan dan panduan semua rakyat. Tujuan pokoknya ialah untuk mencapai pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan melahirkan sebuah masyarakat yang demokratik dan adil. Dalam masyarakat itu kepentingan umum akan lebih ditutamakan dari kepentingan kaum atau kumpulan. Kebebasan dan hak-hak asasi individu akan dijamin dalam perlembagaan. Dalam masyarakat adil yang ingin dilahirkan itu semua rakyat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kemakmuran negara, kekayaan negara pula akan diagih secara saksama dan tidak akan dibenarkan berlaku pemerasan manusia oleh manusia.

Perlaksanaan sistem pendidikan kebangsaan yang menekankan penggunaan Bahasa Malaysia mula diperluas dan dipertingkatkan. Sistem pendidikan ini diharap akan dapat memupuk keperibadian dan kesedaran bersama di kalangan rakyat. Di samping itu, penyebaran dan penggunaan Bahasa Malaysia juga dilaksanakan dengan lebih sungguh-sungguh dan tertur. Bahasa kebangsaan ini, selain dari menjadi alat perhubungan di kalangan rakyat, juga bertujuan melahirkan keperibadian kebangsaan.

Pemupukan keperibadian kebangsaan ini diperkuatkan lagi oleh usaha pembentukan kebudayaan nasional. Walaupun prinsip-prinsip penting kebudayaan nasional ini telah dipersetujui, tetapi masih ada golongan-golongan tertentu yang masih ragu dan bimbang terhadap konsep kebudayaan nasional ini. Di samping langkah-langkah di atas, tindakan politik dan undang-undang juga telah diambil bagi tujuan pemupukan perpaduan nasional ini. Sebilangan besar parti-parti politik yang berasaskan kepada perjuangan kepentingan kaum masing-masing telah dibawa bersama ke dalam satu ikatan politik yang lebih besar, seperti Parti Perikatan dan sekarang Barisan Nasional.

Pembentukan politik campuran ini, lebih-lebih lagi dengan penyertaan parti-parti pembangkang, diharap dapat mengurangkan "politiking". Dengan demikian kerajaan akan dapat menumpukan tugas-tugasnya kepada usaha pembentukan bangsa. Sejak kita merdeka hingga ke saat ini negara kita diperintah oleh parti politik campuran yang terdiri dari pelbagai kaum. Sungguhpun begitu, masalah perkauman masih menjadi isu politik yang penting dan paling berkesan. Ini menunjukkan bahawa pertubuhan politik yang berasaskan kepentingan kaum tidak mungkin dapat mengatasi masalah perkauman dengan berkesan.

Apa yang dapat dihasilkan selama ini ialah mengelakkan pertentangan dan tuntutan-tuntutan dari berlaku secara terbuka dengan mengadakan perundingan di kalangan pemimpin-pemimpin parti itu. Semangat bertolak-ansur di kalangan pemimpin yang disokong pula oleh kepentingan politik yang sama membantu menyelesaikan beberapa pertentangan di kalangan kaum. Tindakan demikian secara tidak langsung telah berjaya menimbulkan suasana tolak-ansur di kalangan rakyat. Tetapi, setakat semangat tolak-ansur saja tidak menjamin persefahaman yang mendalam dan perpaduan yang tulen.

Satu lagi langkah yang patut disebut ialah pengenalan beberapa akta yang bertujuan menghindarkan pertikaian politik perkauman. Yang paling ketara ialah Akta Hasutan. Menurut Akta ini, semua orang dilarang mempersoalkan tentang kuasa dan status Raja-Raja Melayu, soal hak-hak kerakyatan, soal Islam sebagai agama rasmi dan status Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal.

Politik perkauman

Dari pelbagai langkah yang disebut di atas tadi menunjukkan usaha-usaha yang dijalankan selama ini ke arah perpaduan. Ini tidak termasuk lain-lain lambang perpaduan yang telah kita cipta seperti ketua negara atau Yang di-Pertuan Agong, bendera Malaysia, Lagu Negaraku, pakaian kebangsaan dan sebagainya.

Sekiranya langkah-langkah tersebut telah dilaksanakan, kenapa pula perasaan perkauman tidak berkurangan dan perpaduan rakyat masih menjadi masalah negara? Untuk menjawab pertanyaan ini kita perlu mengkaji sejauh mana kejujuran dan kegigihan pihak pembuat dasar bertindak bagi mengatasi masalah ini.

Umum mengetahui bahawa pertentangan dalam perhubungan kaum sebahagian besarnya adalah berpunca dari perebutan kuasa ekonomi dan politik antara anggota-anggota kaum yang berlainan itu. Dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia, perebutan kuasa ini boleh dilihat dan ditakrifkan sebagai pertentangan kaum oleh kerana perbezaan ekonomi dan kaum itu hampir sama. Oleh itu, perkembangan ekonomi yang pesat sering menjadi penghalang dari pendorong kepada usaha memupuk perpaduan.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat biasanya akan menimbulkan beberapa kumpulan sosial baru yang sama ada menerima keuntungan ataupun yang mendapat keruglan, ada pula orang yang adat kebiasaannya dan pandangan hidupnya mungkin bertukar dan berubah begitu cepat kerana kekayaan yang baru diperoleh atau dari kerugian harta kekayaannya. Golongan-golongan ini dapat dipergunakan dengan mudah untuk bertindak menggunakan perkauman sebagai senjata untuk mempertahankan kedudukan mereka dan dalam memperjuangkan kepentingan mereka.

Pembangunan ekonomi yang pesat akan mempengaruhi perubahan politik yang pesat pula. Perkembangan ini akan menimbulkan darjah penyertaan politik yang paling tinggi di kalangan rakyat. Sehubungan dengan itu, masyarakat yang mempunyai struktur sistem politik yang berasaskan kaum, penyertaan politik demikian boleh mempertajamkan lagi ketegangan di kalangan rakyat.

Oleh itu, masalah ekonomi dan politik adalah penghalang besar kepada usaha mencapai perpaduan rakyat di Malaysia. Keadaan ini memang disedari oleh pemerintah jika dilihat dari beberapa langkah yang sudah dibincang pada awal tadi. Sungguhpun begitu, penyertaan yang ditunjukkan oleh pihak pemerintah dalam menyelesaikan masalah ini tidak begitu berkesan dan meyakinkan. Sebagai contoh, perkembangan dan pembangunan ekonomi sekarang lebih mengutamakan sektor perusahaan yang dipusatkan di bandar-bandar besar yang telah maju.

Sistem pasaran bebas yang diamalkan telah menggalakkan penyertaan cergas dari pemodal-pemodal asing dari negara-negara kapitalis untuk melabur di sini dengan kerjasama pemodal-pemodal besar tempatan yang kuat kedudukannya. Penyertaan pemodal-pemodal asing ini adalah faktor yang amat penting untuk perkembangan pesat di sektor itu. Perkembangan ini juga membuktikan bahawa sektor ini lebih diminati kerana boleh menjamin keuntungan yang lebih besar jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain, khususnya sektor pertanian.

Oleh kerana sektor industri ini ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah maju, rakyat yang tinggal di luar bandar tidak mendapat keuntungan dari pertumbuhan sektor ini. Malah, penduduk bandar yang bergantung hidup mereka kepada kilang-kilang perusahaan itu sendiri tidak banyak mengalami peningkatan taraf hidup mereka kerana pendapatan yang diterima hanya mencukupi untuk menampung perbelanjaan hidup mereka di kota.

Oleh yang demikian pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara kita sekarang sedikit sekali membantu mengurangkan kemiskinan rakyat, baik di bandar mahupun di desa. Sebaliknya, arus perjurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin. Ia juga menimbulkan jeleh banyak perbezaan ekonomi di kalangan rakyat. Arus ini bertentangan sama sekali dengan tujuan pokok DEB ialah membasmi kemiskinan dan memperbaiki ketidaksamaan ekonomi di kalangan rakyat. Arus ini, jika dibiarkan, tidak akan berjaya menghasilkan sebuah masyarakat demokratik dan adil seperti yang tercatat dalam Rukun Negara. Ini semua mencerminkan bahawa usaha menegakkan perpaduan rakyat ini tidak seiring dan sempat dengan cita-cita kita.

Kegagalan kita dalam memberi perhatian kepada usaha membasmi kemiskinan dan memperseimbangkan ekonomi di kalangan rakyat mungkin telah dipengaruhi oleh pendapat yang mengatakan bahawa perpaduan kebangsaan boleh dicapai melalui kebudayaan kebangsaan.

Dengan demikian, usaha-usaha yang perlu dilakukan ialah mewujudkan nilai-nilai bersama di kalangan rakyat dan mencipta beberapa lambang lagi untuk memupuk persefahaman.

Memang tidak siapa boleh menafikan tentang sumbangan kebudayaan kebangsaan dalam pembentukan perpaduan rakyat. Tetapi, kita juga harus menyedari bahawa kebudayaan itu sendiri adalah kuat dipengaruhi oleh faktor politik dan ekonomi sesebuah negara. Sifat kebudayaan itu juga adalah bergerak, bukannya beku. Sebagai bukti, cara hidup dan pemikiran rakyat kita telah mengalami banyak perubahan kesan dari perkembangan ekonomi dan politik yang pesat di negara ini.

Kepada sebahagian besar, rakyat seperti golongan buruh dan tani, laungan-laungan tentang perpaduan, kebudayaan nasional dan keperibadian kebangsaan dan sebagainya tidak membawa pengertian yang mendalam. Apa yang mereka ingin tahu ialah rancangan-rancangan kerajaan yang dapat mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik kepada mereka dan anak-anak mereka, usaha-usaha mempertingkatkan pendapatan mereka, menjamin harga pengeluaran mereka, menetapkan harga barang-barang keperluan harian, peluang-peluang pelajaran anak-anak mereka, peluang-peluang perumahan dan sebagainya.

Selagi masalah-masalah yang berpunca dari kemiskinan ini tidak diatasi, selagi itulah perasaan tidak puas hati akan wujud di kalangan kumpulan terbanyak ini. Keadaan ini adalah merbahaya kerana ia boleh diputar-belitkan oleh golongan-golongan tertentu untuk kepentingan mereka. Oleh itu, strategi yang berkesan untuk mewujudkan perpaduan tulen ini ialah mengadakan langkah-langkah yang berani dan menyeluruh bagi menghapuskan kemiskinan dan lain-lain masalah yang berkaitan dengannya.

Di samping itu, tindakan yang lebih tegas mestilah dijalankan bagi memastikan perseimbangan ekonomi di kalangan rakyat. Dengan demikian sebahagian besar rakyat akan terus terbabit dalam usaha memupuk perpaduan ini.

Negara kita sudah mempunyai banyak asas dan lambang perpaduan yang telah dicipta. Tetapi, asas dan lambang perpaduan ini tidak akan menimbulkan kesan yang baik selagi lambang-lambang itu tidak dipergunakan sebaik-baiknya untuk mencapai perpaduan. Sebaliknya, lambang-lambang perpaduan itu boleh berubah menjadi penghalang kepada perpaduan sekiranya ia diperalatkan untuk tujuan politik sesuatu golongan.

Masyarakat Malaysia sebenarnya telah mempunyai beberapa nilai yang dikongsi bersama, jika tidak masakan dapat ia terus wujud. Oleh itu, nilai-nilai bersama dan prinsip-prinsip sejagat ini perlulah dipertekembangkan. Antara nilai-nilai sejagat ini ialah menghormati hak asasi individu, menentang pemerasan dan penindasan manusia oleh manusia, cintakan keadilan, bencikan keganasan, berfikir jujur, mengutuk pemimpin yang korap, cintakan keamanan dan perdamaian, ingatkan kemusjahan dan kejayaan. Begitu juga dengan sifat-sifat jujur, amanah, menghormati ibu-bapa, orang tua dan orang berilmu, sanggup berkorban untuk negara, berjuang menegakkan kebenaran, bersih, cekap, rajin bekerja dan sebagainya adalah antara nilai-nilai umum yang dihormati dan dikongsi bersama oleh rakyat dari semua kaum.

Dengan menekan dan mengamalkan nilai-nilai sejagat dan mengelakkan penerapan nilai-nilai yang bertentangan akan memudahkan usaha untuk memupuk persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat yang berlainan kaum.

Dalam hal ini, pemimpin-pemimpin politik mestilah mengambil bahagian penting untuk pembangunan bangsa dan pemupukan kesedaran kebangsaan ini.

Malaysia adalah sebuah negara yang belum mempunyai satu bangsa dalam erti kata yang sebenarnya. Oleh itu, langkah-langkah yang lebih tegas dan menyeluruh mestilah dijalankan, bukan saja pengintegrasian wilayahnya di Timur dan Barat supaya lebih kukuh, stabil dan dapat berkembang ke arah matlamat yang sama.

Malaysia telah menyusun masyarakatnya mengikut garis perkauman. Oleh kerana itu, kumpulan-kumpulan kaum juga telah memilih untuk bergerak dan bertindak mengikut garis perkauman ini. Penyusunan berasaskan kaum ini mestilah diroboh kepada asas yang bukan berasaskan kaum, sekiranya kita benar-benar jujur inginkan perpaduan tulen di kalangan rakyat. Rakyat mesti disedarkan tentang bahaya perkauman kepada perpaduan kebangsaan.

Oleh itu, pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab mestilah menjadi pelopor dalam usaha ini dan menjauhkan diri dari memperalatkan lambang-lambang perpaduan untuk tujuan politik mereka.

Strategi yang paling penting dan berkesan untuk menegakkan perpaduan rakyat ialah dengan membasmi kemiskinan dan mengurangkan ketidaksaimbangan ekonomi di kalangan kebanyakan rakyat. Perpaduan hanya akan lahir bersama dan penyertaan dari golongan majoriti ini ke arah mencapai cita-cita mulia ini. Dengan sokongan dan penyertaan mereka serta penyertaan dan kegigihan golongan pemimpin, semua halangan akan dapat diatasi dan semua usaha akan berhasil.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia